



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: HARIAN METRO		
TARIKH	: 29/11/2019	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		



Beku harta RM1.58 juta pemburu haram

MAZLAN (dua dari kanan) bersama Abdul Kadir (tiga dari kiri) selepas sidang media mengenai OBK di Paya Indah Wetland.

Sepang: Seramai 64 pemburu haram berjaya dicekup pihak berkuasa sehingga pertengahan bulan ini membolehkan pembekuan akaun dan penyitaan harta bernilai RM1.58 juta.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor berkata, mereka semua ditahan dalam Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) terdiri daripada warga tempatan dan rakyat asing.

“Pesalah yang ditahan bukan sahaja rakyat Malaysia, malah warga asing terdiri daripada China, Kemboja, Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan Thailand.

“Sebanyak 13 akaun disita mengikut Akta Pencegahan

Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AM-LATFPUAA) 2001.

“Turut dimusnahkan sebanyak 359 unit jerat dalam 21 kes,” katanya pada sidang media OBK di Paya Indah Wetlands di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim.

OBK yang dilancarkan pada 3 September lalu membatikan

kerjasama Jabatan Perhilitan, polis serta Perbadanan Taman Negeri Perak (PT-NP), Perbadanan Tan Negera Endau Rompin, Johor, Jabatan Perhutanan Semananjung Malaysia dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) lain.

Mazlan berkata, tangkapan terkini mengikut OBK ialah empat suspek pemburu haram rakyat tempatan pada 13 November lalu di Pasir Mas, Kelantan dan Sungai Petani, Kedah.

Menurutnya, hasil daripada pemeriksaan ke

atas empat premis di Kelantan dan Kedah, polis merampas lima kenderaan termasuk Mercedes-Benz, Volkswagen dan Honda.

“Beberapa bahagian hidupan liar seperti gading gajah, tanduk rusa dan kulit hidupan liar yang anggaran jumlah hasil rampasan berjumlah RM240,000,” katanya

Katanya, siasatan memburu dalang sindiket itu diteruskan mengikut Seksyen 4 (1) AMLATFPUAA 2001 di samping siasatan serentak oleh Jabatan Perhilitan mengikut Seksyen 60 & Seksyen 68 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2001.

**Sebanyak 359 unit
jerat turut
dimusnahkan**